



المعهد الإسلامي الفيدرالي بكاجانج
SMA Persekutuan Kajang
Batu 13, JalanCheras,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Kodsekolah : BRA 4003
Tel Pejabat : 03-87362324
Tel Pengetua : 03-87360529
No Faks : 03-87360502
No E-mel :SMAPK@bra.4003.10.moe.edu.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : SMAPK.800-2/2/2 JLD 2 ()

Tarikh : 10 JULAI 2017

Kepada,

Pengetua,
Sekolah Berasrama Penuh,
Sekolah Menengah (Berprestasi Tinggi),
Sekolah Menengah (Kluster Kecemerlangan),
Sekolah Menengah Kebangsaan,

JEMPUTAN MENYERTAI KEJOHANAN MEMANAH PIALA DATO' SALLEH BIN MOHD HUSEIN SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN JEMPUTAN PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-12 2017

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK), Kementerian Pendidikan Malaysia akan menganjurkan Kejohanan Memanah Piala Dato' Salleh Bin Mohd Husein bagi Sekolah Berasrama Penuh dan Jemputan Peringkat Kebangsaan Kali Ke-12 2017 yang akan berlangsung pada **3 - 6 Ogos 2017** bertempat di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang, Selangor.

3. Sehubungan itu, pihak tuan dijemput menghantar pasukan memanah sekolah tuan menyertai kejohanan tersebut. Pihak sekolah dipohon menguruskan perkara-perkara berikut :

- 3.1. Mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas yang sedang berkuatkuasa kerana melibatkan banyak sekolah.
- 3.2. Makan dan minum pasukan / guru pengiring ditanggung oleh pihak sekolah masing-masing.
- 3.3. Penginapan untuk pasukan / guru / pemandu disediakan oleh pihak urusetia di asrama SMAP Kajang.
- 3.4. Bayaran penyertaan **Sekolah Berasrama Penuh** sebanyak **RM 50.00 / seorang pemanah** dan **Sekolah Jemputan** sebanyak **RM 75.00 / seorang pemanah**. Bayaran secara tunai atau cek kepada Pengurus Pengelola Bersama atas nama **MALAYA ARCHERY (RHB Bank : 2621 8400 0053 40)**

4. Bersama ini dilampirkan:

- 4.1 Borang penyertaan : Lampiran 1
4.2 Peraturan dan jadual pertandingan : Lampiran 2
4.3 Surat kebenaran ibu bapa / penjaga : Lampiran 3
4.4 Maklumat tambahan : Lampiran 4

5. Sebarang pertanyaan sila hubungi Urusetia Kejohanan En Maslan Bin Ismail (012-9655691) atau Pn. Norohanida Binti Sulaiman (016-3197076). Kerjasama yang diberikan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
(MOHD ABD AZIZ BIN MAHMUD)
Pengetua
Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang

sk :

1. Pengarah
Bahagian Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3, Blok 2251, Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya
Selangor
2. Fail Kejohanan Memanah 1Murid 1Sukan SBP dan Jemputan Peringkat Kebangsaan 2017

BORANG PENYERTAAN

**KEJOHANAN MEMANAH PIALA DATO' SALLEH BIN MOHD. HUSEIN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN JEMPUTAN
PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-12 2017**

TEMPAT : SEKOLAH MENENGAH AGAMA PERSEKUTUAN KAJANG
TARIKH : 3 HINGGA 6 OGOS 2017

NAMA SEKOLAH : NO.TEL:

NAMA PENGURUS : NO.TEL:

NAMA PEMANDU : NO.TEL:

A. LELAKI

BIL	NAMA	NO.K/P
1		
2		
3		
4		

B. PEREMPUAN

BIL	NAMA	NO.K/P
1		
2		
3		
4		

TANDATANGAN PENGURUS

DISAHKAN:

(.....)

(.....)

Sila lengkapkan borang penyertaan secara online <http://goo.gl/forms/iIcUYUThfRCBKIIN2> sebelum **15 Julai 2017**.

Sila bawa borang penyertaan yang telah disahkan pada hari pendaftaran. Sebarang perincian sila berhubung Setiausaha Kejohanan, En. Maslan bin Ismail di talian 012-9655691



**PERATURAN PERTANDINGAN
KEJOHANAN MEMANAH PIALA DATO' SALLEH BIN MOHD. HUSEIN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN JEMPUTAN
PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-12 2017
PADA: 03 – 06 OGOS 2017**

1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Selain daripada peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang World Archery (WA) dan peraturan-peraturan AM MSSM.

2. JENIS PERTANDINGAN

- 2.1 Lokasi Pertandingan : Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang.
- 2.2 Tarikh : 03 – 06 Ogos 2017
Tentatif Pertandingan adalah seperti di Lampiran 1.
- 2.3 Pertandingan akan dijalankan dalam jangka masa empat (4) hari termasuk latihan rasmi (sighters). Hanya Kategori "Recurve" sahaja yang dijalankan. Acara yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut :
 - 2.3.1 Jarak 60m (Lelaki), Jarak 60m (Perempuan) – Dua Pusingan
 - 2.3.2 Pusingan Olimpik Individu dan
 - 2.3.3 Pusingan Olimpik Berpasukan
- 2.4 Setiap SBP dan Jemputan boleh mendaftarkan 4 peserta lelaki dan 4 peserta perempuan.
- 2.5 Perincian acara
 - 2.5.1 Pusingan Kelayakan Lelaki Individu.
Format : Jarak 60m (Dua pusingan)
Target face : 122 cm
 - 2.5.2 Pusingan Kelayakan Perempuan Individu
Format : Jarak 60m (Dua pusingan)
Target face : 122 cm
 - 2.5.3 Pusingan Olimpik Individu – 60 m
Format : Set system
Target face : 122 cm
 - 2.5.4 Pusingan Olimpik Berpasukan – 60 m
Format : Set system
Target face : 122 cm

3. SISTEM PERTANDINGAN

3.1 Pusingan Kelayakan Individu

Setiap peserta diwajibkan memanah tujuh puluh dua (72) batang anak panah pada jarak 60m. Peserta yang mendapat mata tertinggi akan dikira pemenang.

3.2 Pusingan Olimpik Individu

Enam puluh empat (64) orang peserta terbaik dalam Pusingan Kelayakan Individu layak bertanding dalam pertandingan ini. Pertandingan akan dijalankan secara Set System dan kalah keluar/mati.

3.3 Pusingan Olimpik Berpasukan

Enam belas (16) pasukan terbaik untuk kategori lelaki dan perempuan layak bertanding dalam pertandingan ini. Kedudukan pasukan ditentukan melalui jumlah markah terkumpul tiga (3) peserta setiap pasukan semasa pusingan kelayakan. Pasukan yang tidak mencukupi sekurang-kurangnya tiga (3) peserta tidak akan dikira dalam pemarkahan kedudukan pasukan. Pertandingan akan dijalankan secara set sistem dan kalah keluar/mati.

4. MASA MELAPORKAN DIRI

- 4.1 Setiap pasukan dikehendaki melaporkan diri kepada Ketua Hakim Kejohanan untuk pemeriksaan peralatan pertandingan pada hari latihan rasmi(sighters).
- 4.2 Setiap peserta yang mengambil bahagian MESTI diiringi pengurus/jurulatih pasukan sekolah masing-masing sepanjang kejohanan.
- 4.3 Pengurus pasukan mestilah guru dari sekolah peserta.

5. BANTAHAN

- 5.1 Setiap pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan mestilah dibuat secara bertulis beserta wang bantahan sebanyak RM 200.00 (DUA Ratus Ringgit Sahaja) dan diberi kepada Pengelola Pertandingan dalam masa tiga puluh minit (30) minit selepas keputusan rasmi pertandingan dipamerkan.
- 5.2 Wang bantahan akan luput sekiranya bantahan yang dikemukakan didapati tidak wajar.

6. JURI RAYUAN

- 6.1 Terdiri daripada Pengerusi Teknik, Ketua Hakim dan tiga (3) orang yang dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan.

7. HADIAH / PINGAT KEJOHANAN

Kejohanan ini akan menyediakan pingat dan sijil pencapaian mengikut kategori SBP dan Jemputan seperti berikut:

- 7.1 Pusingan Kelayakan Pertama dan Pusingan Kelayakan Kedua (Johan, Naib Johan, Ketiga dan Keempat)
- Keseluruhan Individu Lelaki dan Perempuan (Jumlah terkumpul Double 60m Round) (Johan, Naib Johan, Ketiga dan Keempat)
- 7.2 Pusingan Olimpik Individu Lelaki dan Perempuan – 64 peserta terbaik. (Johan, Naib Johan, Ketiga dan keempat)
Pusingan ini adalah terbuka kepada semua pasukan yang menyertai. Peserta dari pasukan jemputan akan diberi pingat sekiranya memenangi salah satu dari tempat yang dinyatakan di atas.
- 7.3 Pusingan Olimpik Berpasukan Lelaki dan Perempuan – 16 pasukan terbaik. (Johan, Naib Johan, Ketiga dan Keempat)
Pusingan ini adalah terbuka kepada semua pasukan yang menyertai. Peserta dari pasukan jemputan akan diberi pingat sekiranya memenangi salah satu dari tempat yang dinyatakan di atas.
- 7.4 Piala Pusingan akan diberikan kepada pasukan SBP terbaik kategori lelaki dan perempuan. Sistem pemarkahan untuk menentukan pasukan SBP terbaik adalah seperti berikut:
- 7.4.1 Kedudukan peserta.
Mata akan diberikan mengikut kepada rank/jumlah peserta semasa pusingan kelayakan.
Contoh : Sekiranya jumlah peserta adalah 150 orang, maka peserta rank no 1 akan menerima 150 mata manakala peserta rank no 150 akan menerima 1 mata.
- 7.4.2 Kedudukan pasukan.
Kedudukan pasukan ditentukan melalui jumlah markah terkumpul tiga (3) peserta setiap pasukan semasa pusingan kelayakan. Pasukan yang tidak mencukupi tiga (3) peserta tidak akan dikira dalam pemarkahan ranking pasukan.
Mata akan diberikan mengikut kepada rank/jumlah pasukan semasa pusingan kelayakan.
Contoh : Sekiranya jumlah pasukan yang layak adalah 30 pasukan, maka pasukan rank no 1 akan menerima 30 mata manakala pasukan rank no 30 akan menerima 1 mata.
- 7.4.3 Berdasarkan warna dan jumlah pingat yang diperolehi.
- | | | |
|--------|---|---------|
| Emas | - | 30 mata |
| Perak | - | 20 mata |
| Gangsa | - | 10 mata |
- 7.5 Sijil penyertaan akan disediakan untuk setiap peserta.

8. PENTAFSIRAN UNDANG-UNDANG

Jawatankuasa Pengelola berhak membuat tafsiran segala perkara yang tidak disiarkan di dalam undang-undang pertandingan ini dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.

**KEJOHANAN MEMANAH PIALA DATO' SALLEH BIN MOHD. HUSEIN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN JEMPUTAN
PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-12 2017
PADA: 03 – 06 OGOS 2017**

JADUAL KEJOHANAN

TARIKH / HARI	MASA	AKTIVITI
3 OGOS 2017 (Khamis)	10.00 - 18.00	Pendaftaran Pengurus Pasukan dan Peserta- Astaka Latihan Rasmi & Pemeriksaan Alatan
	17.00 – 18.30	Taklimat Pengurus Pasukan – Bilik Seminar
4 OGOS 2017 (Jumaat)	08.00 - 08.30	Latihan Rasmi
	08.45 - 10.15	Pusingan Kelayakan 1 - Lelaki 60m
	10.30 - 12.00	Pusingan Kelayakan 1 - Perempuan 60m
	12.30 - 14.30	Rehat/Makan Tengahari/Solat Jumaat
	14.45 - 16.15	Pusingan Kelayakan 2 - Perempuan 60m
	16.30 - 18.00	Pusingan Kelayakan 2 - Lelaki 60m
5 OGOS 2017 (Sabtu)	08.00 - 08.30	Latihan Rasmi
	08.45 - 09.15	Pusingan Olimpik Lelaki Individu 1/32
	09.30 - 10.00	Pusingan Olimpik Perempuan Individu 1/32
	10.15 - 10.45	Pusingan Olimpik Lelaki & Perempuan Individu 1/16
	11.00 - 11.30	Pusingan Olimpik Lelaki & Perempuan Individu 1/8
	11.45 - 12.15	Pusingan Olimpik Lelaki & Perempuan Individu 1/4
	12.30 - 14.00	Rehat/makan tengahari/Solat Dzuhur Berjemaah
	14.30 - 15.30	Pusingan Olimpik Lelaki & Perempuan Berpasukan 1/8
	15.45 - 16.45	Pusingan Olimpik Lelaki & Perempuan Berpasukan 1/4
6 OGOS 2017 (Ahad)	08.00 - 08.30	Latihan Rasmi
	08.45 - 09.15	Pusingan Olimpik Lelaki & Perempuan Individu Separuh akhir
	09.30 - 10.00	Pusingan Olimpik Lelaki & Perempuan Individu Akhir dan Tempat 3 / 4
	10.15 - 10.45	Pusingan Olimpik Lelaki & Perempuan Berpasukan Separuh akhir
	11.00 - 11.30	Pusingan Olimpik Lelaki & Berpasukan Perempuan Akhir dan Tempat 3 / 4
	12.00	Penutup/Penyampaian hadiah
	13.00	Bersurai

Lampiran 3

KEBENARAN IBUBAPA ATAU PENJAGA

1. Saya
No. K/P di alamat

Ibu Bapa/Penjaga kepada murid yang bernama No. K/P

dengan ini memberi kebenaran kepada anak/jagaan saya untuk menyertai **KEJOHANAN MEMANAH PIALA DATO' SALLEH BIN MOHD. HUSEIN SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN JEMPUTAN PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-12 2017** yang dianjurkan oleh **BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN** dengan kerjasama **SMA PERSEKUTUAN KAJANG dan MALAYA ARCHERY** pada **3 HINGGA 6 OGOS 2017** bertempat di **SEKOLAH MENENGAH AGAMA PERSEKUTUAN KAJANG, SELANGOR.**

2. Saya sedia maklum bahawa pihak pengajur yang mengelolakan program ini akan mengambil segala langkah keselamatan. Saya mengaku tidak akan mengambil sebarang tindakan undang-undang atau mahkamah terhadap pihak atau wakilnya yang berkaitan dengan kemalangan yang mengakibatkan sama ada kecederaan yang membawa kecacatan sementara, kecacatan berkekalan kepada mana-mana anggota badan atau mengakibatkan kematian terhadap anak/jagaan saya yang berlaku di dalam perjalanan pergi dan balik serta sewaktu berada di tempat-tempat kegiatan yang dijalankan sempena dengan kejohanan ini.

3. Saya dengan ini memberi kebenaran kepada pihak pengajur atau wakilnya untuk mengambil sebarang langkah rawatan atau pertolongan perubatan kepada anak / jagaan saya jika didapati perlu.

Pengesahan kebenaran,

Disaksikan,

.....
(Tandatangan ibubapa/penjaga)

No. K/P :
Tarikh:

.....
(Tandatangan saksi)

No. K/P :
Tarikh:

(** Sila bawa dan serahkan kepada Urusetia semasa pendaftaran)

Lampiran 4

MAKLUMAT TAMBAHAN :

1. Peserta memanah yang menginap diminta membawa cadar dan sarung bantal sendiri.

Pihak urusetia hanya menyediakan tempat penginapan sahaja.

2. Makan dan minum pasukan / guru pengiring diuruskan oleh pihak sekolah masing-masing. Bagi memudahkan urusan guru pengiring menguruskan makan/minum pasukan, diserta no telefon Pengusaha Dewan Makan dan Kantin SMAP Kajang untuk sebarang tempahan makanan.

**- Dewan Makan SMAP Kajang – Encik Rahim Bin Pagi
(01132903148)**

**- Kantin SMAP Kajang – Puan Wan Zaharah Binti Wan Mamat
(017-2332764)**